

157
SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG – DAP]**

SOALAN NO. 468

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pencapaian untuk membentuk negara bersukan.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Pelan Strategik KBS (2016-2020) sedang melaksanakan Pembudayaan Sukan Untuk Semua (Sukan Massa) melalui Teras II dalam RMK-11 iaitu meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pembudayaan sukan untuk semua ini mengajak seluruh lapisan masyarakat mengambil bahagian di dalam kegiatan sukan, rekreasi dan kecergasan tanpa mengira latar belakang, kelas sosial dan kaum termasuklah golongan belia di luar bandar.
2. Program yang dilaksanakan di luar bandar mengambil kira budaya, sosioekonomi dan demografi golongan belia bagi sesuatu kawasan. Selain itu pelaksanaan program yang lebih fokus adalah melalui pendekatan strategik rakan kongsi yang utama iaitu persatuan sukan di luar bandar.
3. Bagi mencapai hasrat tersebut, KBS telah melaksanakan program Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS) bermula tahun 2011 sehingga kini yang mampu meningkatkan penglibatan pelajar serta golongan belia di pelbagai peringkat agar aktiviti sukan dijadikan sebagai salah satu gaya hidup sihat dan dapat menonjolkan bakat dan kebolehan dalam bidang sukan.

SULIT

4. Sejak 2011 hingga 2017 sebanyak RM 21,152,538.00 juta telah diperuntukan untuk pelaksanaan program LiSUS di peringkat negeri dan daerah di seluruh negara dan statistik jumlah penyertaan yang telah direkodkan adalah seramai 609,692 orang golongan belia telah menyertai dalam pelbagai acara sukan yang telah dipertandingkan seperti futsal, bola sepak, takraw, bola jaring dan lain-lain.
5. Kerajaan telah bersetuju bahawa Sambutan Hari Sukan Negara akan diadakan pada setiap hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara bersukan dengan penglibatan menyeluruh daripada sektor awam, swasta dan rakyat di dalam proses transformasi ke arah mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Bersukan' (*Sporting Nation*).

Sekian, terima kasih.

SOALAN : 469

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)

RUJUKAN : 10703

SOALAN :

PR-1361-T02182

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan syarikat keselamatan swasta dan bilangan projek keselamatan di perumahan swasta dalam negara. Apakah tugas polis dalam projek-projek ini .

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 1 Mac 2018, sebanyak 800 buah syarikat perkhidmatan kawalan keselamatan swasta yang berlesen dengan Kementerian Dalam Negeri di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 bagi menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan di seluruh Malaysia.

Bagi kawalan keselamatan di kawasan perumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menyediakan Garis panduan *Gated Community and Guarded Neighbourhood* yang telah diluluskan Jemaah Menteri pada 28 Julai 2010 dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) pada 2 September 2010. Garis panduan ini bertujuan untuk memandu pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam merancang dan mengawal perumahan berkonsepkan *gated community* dan *guarded neighbourhood*.

Garis panduan ini telah menerangkan secara terperinci syarat-syarat dan keperluan perancangan yang perlu dipatuhi oleh Jawatankuasa Penduduk dalam menubuhkan skim *gated community* dan *guarded neighbourhood*. Garis panduan *Gated Community and Guarded Neighbourhood* juga ada menyatakan bahawa syarikat pengawal keselamatan yang dilantik perlu

172

berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri. Syarat-syarat bagi pengambilan pekerja dan pengawal keselamatan sebagaimana yang dikehendaki oleh Kementerian Dalam Negeri turut disertakan dalam garis panduan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai peranan untuk memastikan syarikat-syarikat kawalan keselamatan mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri dalam menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta sebagaimana yang telah termaktub di bawah Akta Agensi Persendirian 1971.